

11/12/1998

Umno batal hasrat edar kaset MT

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno membatalkan hasrat mengedarkan pita rakaman asal mesyuarat Majlis Tertinginya (MT) yang memutuskan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden pada 3 September lalu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Sabbaruddin Chik, berkata langkah itu bagi mengelak Umno daripada dikenakan tindakan kerana menghina mahkamah berikutan kes bekas timbalan perdana menteri itu masih dibicarakan.

"Sebagai parti yang mematuhi undang-undang, kita telah mengkaji semula keputusan mengedarkan pita berkenaan. Jadi, kita memutuskan tidak mengedarkan pita itu seperti dijadualkan mulai 13 Disember ini kerana perbicaraan Anwar masih berlangsung.

"Kita akan hanya mengedarkan pita berkenaan setelah perbicaraan itu selesai," katanya pada taklimat kepada pemberita mengenai Perhimpunan Agung Khas Umno bagi meminda perlembagaan Umno, hari ini.

MT Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lalu memutuskan untuk mengedar pita rakaman asal mesyuarat MT pada 3 September itu, bagi mengelak cubaan penggunaannya untuk membersihkan nama orang tertentu.

Ini berikutan ada pita rakaman mesyuarat itu yang sudah diedit termasuk ucapan Anwar yang dipadamkan, diedarkan kepada umum. Ekoran itu, Umno bercadang mengedarkan pita berkenaan mulai Ahad ini sempena Perhimpunan Agung Khasnya.

Sabbaruddin berkata, pita rakaman mesyuarat itu, yang diedarkan sebelum ini, sudah banyak disunting dan ada yang ditokok tambah.

Mengenai siapa yang diberi tanggungjawab untuk membuat rakaman setiap kali mesyuarat MT berlangsung, Sabbaruddin berkata, ibu pejabat parti yang bertanggungjawab berbuat demikian.

Mengenai pindaan perlembagaan Umno Ahad ini, Sabbaruddin berkata, ia bertujuan menghapus atau mengurangkan penggunaan wang dalam pemilihan parti selain memantapkan keyakinan semangat Umno.

Pindaan perlembagaan Ahad ini membabitkan cadangan mewujudkan 15 fasal baru dan menghapuskan undi bonus.

Antara cadangan pindaan ialah menetapkan ahli Umno kekal dalam parti itu bagi tempoh tertentu sebelum layak menjadi calon pilihan raya atau bertanding jawatan dalam parti, bertujuan memastikan calon berkenaan benar-benar mempunyai semangat Umno yang kukuh.

Selain itu, ada cadangan untuk menetapkan peratusan tertentu dari segi jumlah pencalonan bahagian bagi ahli yang ingin bertanding jawatan MT termasuk Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan anggota jawatankuasa majlis berkenaan.

"Semua perwakilan bebas bercakap sepanjang tempoh berkenaan. Semua keputusan berhubung pindaan berkenaan bergantung kepada persetujuan perwakilan.

"Jika terpaksa mengundi, kita juga telah menyediakan pengira undi di setiap kawasan tempat duduk perwakilan untuk membuat kiraan," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, akan membentangkan usul, manakala seorang lagi Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan menggulungnya.

(END)